

# Kemenangan BN bukti amalan demokrasi sihat

Oleh ROZAMAN ISMAIL

**SEPANG** 29 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Batu Talam, Pahang semalam sebagai bukti amalan demokrasi di negara ini berjalan sihat ketika pembangkang mengamalkan tindakan memboikot pilihan raya itu.

Perdana Menteri berkata, para pengundi mengetepikan kempen memboikot kerana mereka lebih bijak dalam memahami erti pilihan raya dan mahu menunjukkan tentang kepentingan mempunyai seorang wakil rakyat di kawasan tersebut.

"Alhamdulillah, kemenangan di Batu Talam adalah kemenangan yang kita semua syukuri, sebab itu satu bukti yang datang daripada rakyat sendiri yang bersedia mengambil bahagian dalam pilihan raya biar pun pembangkang menggalakkan pengundi supaya memboikot pilihan raya itu.

"(Pengundi) hendak tunjukkan bahawa Abdul Aziz Mat Kiram sebagai wakil rakyat, dengan itu pengundi memberikan undi yang besar, lebih daripada yang kita jangkakan dan calon bebas hilang deposit," katanya pada sidang akhbar di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) sekembalinya dari London selepas menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana

UM - 30/1/2007  
Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan Abdul Aziz.

Abdullah yang juga Pengerusi BN mengulas kemenangan BN di Batu Talam semalam, apabila Abdul Aziz, 47, menewaskan calon bebas, Ng Chee Pang, 22, dengan majoriti lebih besar walaupun peratusan keluar mengundi lebih rendah berbanding pilihan raya umum 2004.

Abdul Aziz memperoleh 6,276 undi berbanding Chee Pang 419 undi.

Calon BN itu menang dengan majoriti 5,857 undi berbanding majoriti 2,761 undi yang diperoleh wakil rakyat BN, Allahyarham Datuk Tengku Paris Tengku Razlan pada pilihan raya 2004 yang meninggal dunia pada 27 Disember lalu.

Perdana Menteri berkata, parti pembangkang sengaja memboikot pilihan raya kecil tersebut kerana mereka tidak berani hendak meletakkan calon di situ.

"Pak Lah ingat dalam pilihan raya sekali ini hebatlah, mengambil kesempatan dalam pilihan raya nak uji kekuatan, hendak tengok sejauh mana rakyat suka kepada kita kerana macam-macam mereka kata kepada kita pada 2006.

"Tetapi mereka tahu mereka tidak boleh menang, oleh itu cara mereka ialah boikot, mereka harap rakyat bodoh ikut mereka tetapi rakyat tidak bodoh (sebaliknya) sudah matang kerana telah melalui banyak pilihan raya dan rakyat telah membuat keputusan (memilih BN)," katanya.

Para pengundi mengetepikan kempen memboikot kerana mereka lebih bijak dalam memahami erti pilihan raya

ABDULLAH AHMAD BADAWI  
Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi mengucapkan tahniah kepada Abdul Aziz Mat Kiram sambil diperhatikan Najib Tun Razak di Kompleks Bunga Raya KLIA, Kuala Lumpur, semalam sekembali Perdana Menteri dari menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland.

-Bernama